



Agenda 7: Perisytiharan yang dibentangkan oleh Jawatankuasa Tertinggi Pusat

Deklarasi Shah Alam

KAMI, para perwakilan kebangsaan Parti Tindakan Demokratik, yang berhimpun dalam Persidangan Kebangsaan di Shah Alam, Selangor, pada 8hb Januari 2012, dengan ini mengesahkan semula prinsip-prinsip DAP dan seterusnya beriltizam untuk memimpin usaha menjayakan perubahan yang amat diperlukan dalam bentuk pendemokrasian dan kemaslahatan ekonomi bagi mencapai Impian Bangsa Malaysia untuk Malaysia yang lebih makmur, demokratik dan bermaruah.

Kami merafak sembah dan tahniah kepada Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong Tuanku Abdul Halim Mu'adzam Shah atas pertabalan Seri Paduka sebagai Yang di-Pertuan Agong ke-14 Persekutuan Malaysia. Semoga pemerintahan Baginda di atas singgahsana Istana Negara akan menyemarakkan semangat demokrasi dan hak asasi di kalangan rakyat jelata. Daulat Tuanku!

Di Ambang Perubahan

Di seluruh dunia, perubahan sedang berlaku dengan pantas yang belum pernah disaksikan sejak berakhirnya Perang Dingin. Rakyat jelata di setiap pelusuk dunia, dari Dataran Tahrir ke Wall Street, sedang bangkit dengan hebatnya. Masyarakat-masyarakat yang sebelum ini bersikap pasif tiba-tiba telah menemui semangat berani yang baru untuk berdiri menuntut hak dan martabat diri.

Martabat adalah kosa kata baru yang telah merintis gerakan global yang menuntut perubahan. Ketidakadilan sosial dan ekonomi, hutang yang meningkat dan pengangguran, kumpulan-kumpulan elit mengkayakan diri sendiri atas titik peluh rakyat jelata, semua ini gambaran lazim yang dilihat di serata dunia hari ini.

Malaysia mengalami titik perubahannya apabila pada 9 Julai 2011, rakyat Malaysia dari pelbagai lapisan hidup telah bangun serentak untuk menuntut hak bagi pilihan raya yang bersih, bebas dan adil. Yang tua dan muda, dari pelbagai pelusuk negara, berpuluh ribu rakyat Malaysia telah membanjiri jalan-jalan di Kuala Lumpur walau pun berhadapan dengan taktik ganas pihak berkuasa.

Seperti rakan-rakan seperjuangan di Timur Tengah, Afrika Utara, Amerika dan Eropah, rakyat Malaysia bangkit kerana mereka tidak lagi rela martabat mereka dirompak siang dan malam oleh para pemimpin yang hanya mahu memperkayakan diri sendiri.

Sebagai negara yang dikurniakan dengan sumber alam semula jadi, infrastruktur yang mencukupi, populasi yang agak muda dan tahap celik huruf serta pendidikan yang baik, Malaysia mempunyai potensi yang besar. Malangnya kita dukacita setiap hari mendengar kisah-kisah korupsi, pengaliran keluar wang haram, ekonomi yang terbantut dan mutu hidup yang merudum.

Hari ini Malaysia berada di ambang perubahan. Bersama rakan-rakan kita dalam Pakatan Rakyat, DAP dengan rasa rendah diri menawarkan diri sebagai ejen perubahan kepada semua rakyat Malaysia dalam satu agenda yang akan meletakkan kita di atas landasan untuk mencapai Impian Bangsa Malaysia.

Solidariti Ekonomi

Dalam keadaan dunia yang sedang mengalami kenaikan inflasi, kadar pengangguran tinggi dan hutang yang kian melambung, situasi di Malaysia juga tidak kurang teruknya. 60 peratus golongan bawahan dalam masyarakat kita mempunyai pendapatan isi rumah kurang daripada RM3,000 sebulan manakala 40 peratus yang terbawah terpaksa hidup dengan kurang daripada RM1,500 sebulan.

Yang lagi merunsingkan, Laporan Tahunan Bank Negara 2010 telah mendedahkan bahawa hutang isi rumah Malaysia pada akhir 2010 berada di tahap RM581 bilion atau pun 76 peratus daripada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK), lantas “menobatkan” Malaysia sebagai negara dengan hutang isi rumah yang

tertinggi di Asia selepas Korea Selatan.

Tambahan pula, nisbah bayaran hutang isi rumah Malaysia berada di tahap 47.8 peratus pada tahun 2010, atau dalam erti kata lain, setengah daripada pendapatan isi rumah digunakan untuk pembayaran hutang. Biasanya, institusi kewangan tidak akan memberi pinjaman jika jumlah bayaran hutang melebihi satu pertiga pendapatan. Dengan kata lain, Malaysia kian menjadi negara penghutang.

Rakyat Malaysia seolah-olah terperangkap dengan kadar kenaikan pendapatan yang terbantut selama 10 tahun yang lepas. Ini telah mengakibatkan jurang pendapatan yang luas di mana jumlah pendapatan 40 peratus golongan bahawan masyarakat kita hanya merangkumi 14.3 peratus daripada jumlah pendapatan negara manakala golongan 20 peratus atasan pula mengaut 50 peratus daripada jumlah pendapatan.

Lagi teruk lagi, hutang persekutuan sudah mencecah RM456 bilion pada akhir tahun lepas, sementara nisbah hutang-kepada-KDNK pula sudah hampir menyentuh siling hutang negara iaitu 55%.

Dalam konteks ini, kita harus mencari paradigma baru. Percubaan Kerajaan Barisan Nasional untuk menangani kepincangan ekonomi melalui kaedah “pump-priming” dan program-program penuh singkatan seperti Program Transformasi Ekonomi (ETP), Program Transformasi Kerajaan (GTP), Bidang Ekonomi Utama Negara (NKEA) dan sebagainya malangnya tidak membawa apa-apa perubahan yang ketara.

Oleh itu, sudah tiba masanya untuk memperkenalkan konsep “solidariti ekonomi”. Konsep ini bermaksud solidariti antara yang kaya dengan yang miskin, antara bandar dengan luar bandar, antara yang kuat dengan yang lemah. Hasrat yang ingin dicapai adalah satu masyarakat yang memperkasakan rakyatnya, terutama sekali 50 peratus golongan bahawan yang memerlukan pertolongan.

Lebih daripada itu, kita harus memastikan solidariti ekonomi akan dicapai melalui:

1. Pelaksanakan gaji minima.
2. Menghubungkan terus kadar kenaikan gaji minima dengan kadar inflasi.
3. Memupuk penyertaan tenaga kerja wanita.
4. Mengurangkan pergantungan kepada buruh asing.
5. Melonjakkan ekonomi melalui teknologi dan automasi.
6. Membanteras korupsi, rasuah dan ketirisan melalui pentadbiran berteraskan prinsip CAT (Cekap, Akauntabel, Telus).
7. Meluhurkan undang-undang.
8. Mempertahankan hak-hak sah pekerja.

Kita juga harus menangani kelemahan-kelemahan dalam sistem sedia ada seperti rasuah, kapitalisme kroni dan monopoli. Sebagaimana keadaannya sekarang, Malaysia merupakan satu-satunya negara pengeluar beras yang telah menswastakan pengeluaran beras, dan lebih teruk lagi telah mewujudkan monopoli di bawah hanya satu syarikat kapitalis kroni. Ekoran daripada itu, Thailand dan Indonesia merupakan negara mampu diri manakala kita bergantung kepada beras import untuk satu petiga penggunaan kita. Dan akibat monopoli beras yang wujud, kita terpaksa membayar lebih untuk beras import berbanding dengan Singapura.

Satu lagi contoh kapitalisme kroni adalah Perjanjian Pembelian Tenaga (PPA) yang cukup berat sebelah di antara Tenaga Nasional Berhad (TNB) dengan syarikat-syarikat Penjana Tenaga Elektrik Bebas (IPP) yang mempunyai pengaruh politik. Akibatnya, kita sudah mengumpulkan rizab tenaga elektrik yang banyak kerana TNB dipaksa membeli elektrik yang tidak diperlukannya. Beban tambahan ini kemudian dipindahkan kepada rakyat dalam bentuk kenaikan tarif elektrik.

Corak yang konsisten dalam ekonomi kroni di negara kita adalah hakikat bahawa para kroni yang berpengaruh sedang mengaut kekayaan sementara rakyat biasa menderita. Ini juga jelas dalam perjanjian konsesi tol di antara Kerajaan dengan syarikat-syarikat pengendali tol yang mempunyai pengaruh politik, yang membolehkan kenaikan tol secara berkala sepanjang tempoh masa konsesi yang panjang meski pun kebanyakan daripada mereka sudah pun mendapat keuntungan yang jauh melebihi pelaburan asal.

Sudah tiba masanya kita menggantikan ekonomi kapitalisme kroni dengan “Ekonomi Berjiwa Rakyat” yang

akan menumpu kepada peningkatan pendapatan boleh guna dan meningkatkan perkara-perkara asas seperti kemahiran, teknologi dan produktiviti.

Kemakmuran Ekonomi

Lebih 40 tahun dahulu, Malaysia dianggap sebagai negara yang kaya, apatah lagi dengan limpah kurnia dalam bentuk sumber-sumber asli. Pada masa itu, KDNK per kapita kita adalah USD350 sementara Korea Selatan hanya di tahap USD130. Hari ini, KDNK per kapita Korea Selatan sudah mencecah USD20,000 manakala kita jauh ketinggalan di tahap USD7,000. 40 tahun dahulu, rakyat Malaysia tiga kali ganda lebih kaya daripada rakyat Korea Selatan. Hari ini, mereka tiga kali ganda lebih kaya daripada kita.

Apa yang telah berlaku dalam tempoh 4 dekad yang lalu? Mengapa kita tidak berkembang sementara negara-negara yang dahulunya kurang maju sudah pun mengatasi dan jauh melebihi kita? Ini telah berlaku kerana modal insan kita tidak dihargai dan digunakan dengan maksima, kebebasan peluang tidak digalakkan dan suatu sistem telah diwujudkan di mana ganjaran diberi berdasarkan kenalan dan bukan pengetahuan. Daya usaha dan kecemerlangan telah digantikan oleh pengaruh politik.

Justeru, kita harus membina semula ekonomi kita untuk mencapai kemakmuran berdasarkan inovasi dan keupayaan untuk membentuk dan menyesuaikan diri dengan ekosistem yang baru dan relevan. Sebagai contoh, kita sekarang hidup dalam zaman internet. Untuk mencapai kemakmuran ekonomi, kita haruslah membina industri-industri yang berkaitan dengan internet dan juga kemahiran yang relevan kepada industri-industri ini.

Kita harus juga memupuk generasi usahawan yang disemai dengan semangat dan kepakaran. Namun begitu, keusahawanan mestilah dipacu oleh inovasi, kreativiti dan dorongan sektor swasta. Dalam ini, kita percaya bahawa tugas kerajaan adalah untuk mengurangkan penglibatan dalam sektor perniagaan. Cukup sekadar menyemai benih asas, perkembangan seterusnya haruslah diambil alih oleh sektor swasta.

Peranan kerajaan dalam merangsangkan kemakmuran ekonomi adalah untuk melabur dalam masa depan dengan tumpuan khas kepada dasar-dasar sosial seperti penyediaan prasarana awam, perumahan, pendidikan, pengangkutan awam dan perubatan. Sebagai contoh, pengangkutan awam yang lebih efisien akan mengurangkan keperluan untuk membeli kereta dan dengan itu wang pinjaman kereta itu akan menjadi tambahan kepada pendapatan boleh guna. Hasilnya serupa jika kerajaan memainkan peranan yang positif dalam penyediaan perumahan mampu milik, subsidi pendidikan dan juga dalam perubatan.

Di Pulau Pinang, kita telah memulakan program-program sosial yang telah mengurangkan beban rakyat. Selain daripada bantuan kewangan kepada golongan-golongan tertentu, kita juga memberi subsidi dalam dialysis buah pinggang dan perkhidmata bas percuma dalam di laluan-laluan tertentu. Kita juga telah membasmi kemiskinan tegar setahun selepas mengambil alih pucuk pimpinan. Sekarang, kita berhasrat untuk membasmi kemiskinan menjelang 2015. Jika kita dapat melakukannya di Pulau Pinang, kita juga boleh melakukannya untuk seluruh Malaysia.

Pendemokrasian

Selain daripada membetulkan ketidakadilan ekonomi, kita juga harus memulihkan demokrasi. Pokok kepada demokrasi adalah kebebasan, dan oleh itu kita harus mengembalikan martabat dan kebebasan rakyat melalui:

1. Reformasi institusi-institusi negara.
2. Pilihan raya yang bersih, bebas dan adil.
3. Pengagihan kuasa pusat (desentralisasi).
4. Kebebasan untuk berucap, bersuara dan berhimpun.

Kejayaan sebuah negara itu bergantung kepada institusi-institusi asasnya. Di Malaysia, kepercayaan kepada institusi-institusi asas sudah terhakis. DAP berjanji untuk menjadikan reformasi pentadbiran dan institusi sebagai keutamaan, bermula dengan Suruhanjaya Pilihan Raya, Suruhanjaya Pencegah Rasuah Malaysia, Polis, Badan Kehakiman dan juga Parlimen.

Reformasi pentadbiran juga merangkumi Perkhidmatan Awam kita yang pernah menjadi kebanggaan ramai. Kita akan melaksanakan dasar untuk mengembalikan profesionalisme dan kecekapan penjawat awam melalui peningkatan kemahiran dan produktiviti. Kita juga akan memastikan gaji penjawat awam mencukupi dan berdaya saing, terutamanya mereka di tangga sokongan dan pentadbiran dan bukan hanya mereka yang berada di tangga profesional dan pengurusan atas.

Perkhidmatan Awam perlu diperhalusi dan dihormati dan bukan dikurangkan.

Kita juga mengiktiraf pengorbanan anggota-anggota polis dan tentera yang berkhidmat setiap hari untuk memastikan keamanan negara kita. Oleh itu, kita berasa terpanggil untuk melindungi mereka daripada pemangsa kapitalis yang menyalahgunakan kuasa dan pengaruh mereka untuk memperkayakan diri sendiri. Rakyat Malaysia juga menuntut hak untuk pilihan raya yang bersih, bebas dan adil. Untuk sebab ini, rakyat telah berhimpun pada 9 Julai 2011. Hak mengundi merupakan hak yang keramat dan pencabulan hak itu hendaklah ditangani dengan segera.

Pendemokrasian juga melibatkan pengagihan kuasa pusat. Ia merupakan salah satu aspek yang penting dalam proses pendemokrasian yang telah berlaku dalam negara-negara seperti Indonesia, Taiwan dan Korea Selatan. Tetapi di Malaysia, walau pun dinamakan sebagai Persekutuan, kuasa semakin berpusat di peringkat kebangsaan. Sebagai contoh, pada tahun 1990 jumlah belanjawan semua negeri merangkumi 25 peratus daripada belanjawan persekutuan. Hari ini, jumlahnya kurang daripada 9 peratus. Adalah amat jelas bahawa pengagihan kuasa pusat, terutamanya dalam hal-ehwal kewangan, diperlukan untuk memperkasakan pembangunan tempatan.

Zaman kuasa mutlak Kerajaan Persekutuan sudah berakhir. Perumahan, pengangkutan awam, pungutan sampah, pembetulan dan perkhidmatan pendidikan haruslah diagihkan kepada kuasa kerajaan negeri. Bagaimana boleh seseorang pegawai yang berada di Putrajaya membuat keputusan tentang pengangkutan awam atau pungutan sampah di Taiping atau pun Johor Bahru? Bagaimana boleh Kerajaan Persekutuan menyelesaikan masalah perumahan awam apabila tanah itu perkara kerajaan negeri?

Rakyat Malaysia ingin bersuara dan didengar. Masyarakat yang mengongkong pemikiran bebas akan menindas daya kreativiti rakyatnya. Ruang demokrasi diperlukan untuk mencapai kemajuan dan daya saingan.

Budaya kebebasan haruslah diwujudkan, dan tiada penanda aras yang lebih baik daripada “Empat Kebebasan Mutlak” yang dibentangkan oleh Presiden Amerika Syarikat Franklin D Roosevelt dalam perutusan “State of the Union” tahun 1941, iaitu:

1. Kebebasan untuk bersuara.
2. Kebebasan untuk beragama.
3. Kebebasan daripada kemelaratan.
4. Kebebasan daripada ketakutan.

Malaysia tidak akan melonjak kepada ekonomi pendapatan tinggi dan status negara maju selagi kita tidak menyediakan institusi-institusi awam yang mampan, memulihkan pilihan raya yang bersih, bebas dan adil, memperkasakan rakyat dengan pengagihan kuasa pusat dan menyediakan suasana yang menghormati dan menggalakkan budaya kebebasan.

Impian Bangsa Malaysia

Sudah jatuh kepada kita untuk membina masa depan Malaysia yang bersifat kemalaysiaan, di mana tiada cita-cita yang terlalu tinggi, di mana semua boleh menyuarakan nukilan hati dengan aman, di mana keadilan dan keselamatan dijamin dan di mana rakyat dimartabatkan.

Inilah Impian Bangsa Malaysia. Satu wadah kenegaraan baru yang berlunaskan teras Malaysia Untuk Rakyat Malaysia di mana Rakyat Malaysia Diutamakan dan di mana sifat kesederhanaan dan kerjasama dipacu melalui Jalan Tengah Malaysia yang menolak segala memungkaran yang bersifat melampau dan perkauman. Kita menghasratkan Impian Bangsa Malaysia, dan dalam usaha untuk mengecapi impian ini, kita mengulangi

komitmen untuk:

1. Mempertahankan sistem Demokrasi Berparlimen dan Raja Berperlembagaan dengan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong sebagai Ketua Negara. DAP komited untuk menjunjung Perlembagaan Persekutuan Malaysia sebagai undang-undang yang paling agung negara dan meluhurkannya dalam semangat Merdeka 1957 dan Perjanjian Malaysia 1963.
2. Memelihara kedudukan istimewa orang Melayu dan Bumiputra serta hak-hak kaum-kaum lain, seperti yang termaktub dalam Artikel 153 Perlembagaan Persekutuan.
3. Memastikan kedudukan Islam sebagai agama Persekutuan serta kebebasan untuk mengamalkan agama-agama lain dengan aman dan damai, seperti yang termaktub dalam Artikel 3 dan 11 Perlembagaan Persekutuan.
4. Memartabatkan Bahasa Melayu sebagai Bahasa Kebangsaan seperti yang termaktub dalam Artikel 152 Perlembagaan Persekutuan, serta menggalakkan penggunaan dan pengajian bahasa-bahasa ibunda lain untuk membentuk masyarakat yang cemerlang dan berbilang bahasa.
5. Memperjuangkan kebebasan rakyat yang terjamin dalam Artikel 10 Perlembagaan Persekutuan, iaitu kebebasan untuk bersuara, berhimpun dan menubuh persatuan.
6. Menghormati Perjanjian Malaysia 1963 serta hak-hak yang dimiliki oleh rakyat Sabah dan Sarawak.
7. Memartabatkan rakyat dengan membasmi kemiskinan dan memastikan pengagihan kekayaan yang lebih saksama, serta memperkasakan rakyat dengan peluang saksama tanpa mengira gender, warna kulit atau agama.
8. Lahirkan masyarakat madani yang berlandaskan kecelikan minda dan kebebasan akademik dan intelek tanpa cengkaman Akta University dan Kolej Universiti (AUKU).
9. Jaminan pilihan raya yang bebas, bersih dan adil.
10. Jaminan tiada kematian dan kecederaan dalam tahanan agensi-agensi keselamatan.
11. Mewujudkan integriti dan kepimpinan serta membanteras rasuah melalui dasar tender terbuka, mengemukakan isi kandungan kontrak dan perjanjian kerajaan dan mengisytiharkan harta semua pemimpin kerajaan.
12. Mengkaji semula perjanjian-perjanjian berat sebelah dengan syarikat-syarikat kapitalis kroni seperti Perjanjian Pembelian Tenaga (PPA) dengan Penjana Tenaga Elektrik Bebas (IPP) dan konsesi-konsesi tol lebuhraya dengan syarikat-syarikat pengedali tol.

Kesimpulan

Malaysia merupakan negara yang kaya dengan segala jenis sumber asli. Adalah tidak terduga bahawa, 55 tahun selepas Merdeka dan 49 tahun selepas pembentukan Malaysia, institusi-institusi sosial, politik dan ekonomi negara kita sudah pun kebobrokan akibat kerakusan, kronisme dan korupsi.

Negara kita bukan sahaja lumpuh dari segi politik dan ekonomi, tetapi akibat daripada perbuatan melampau Barisan Nasional yang berbaur perkauman dan ekstremis, masyarakat kita juga sudah rapuh. Masa depan negara akan terjejas jika kita tidak bertindak dengan segera.

Empat tahun dahulu, kita telah diamanahkan dengan peluang untuk membuktikan daya kita untuk melaksanakan perubahan. Dalam tempoh masa itu, kita telah menunjukkan kebolehan kita. Kita telah menunjukkan bahawa melalui agenda solidariti ekonomi, kemakmuran ekonomi dan pendemokrasian, kita boleh membawa perubahan yang ketara. Kini, kita ingin membawa agenda ini ke peringkat kebangsaan. Tiada masa yang lebih sesuai daripada sekarang. Hari ini, peluang untuk mentransformasikan negara kita adalah nyata dan di hadapan kita. Hari ini, kemenangan akan berpihak kepada yang benar. Parti kita telah tabah menunggu 46 tahun untuk saat ini. Marilah kita berdiri bersama, bersatu dalam kepelbagaian dan komited kepada cita-cita bersama.

Hari ini, kita menghasratkan Impian Bangsa Malaysia.

第七议程：中央执行委员会提呈宣言

莎亚南宣言

我们，民主行动党全国代表，于2012年1月8日全国代表会议聚集于莎亚南，在此重申民主行动党之原则并承诺将引领任何一切能为民主化、经济发展带来必要改变，以期达至一个繁荣、民主、受敬重的马来西亚的“马来西亚人梦想”。

我们在此至诚恭贺第14任国家元首端姑阿都哈林陛下即位。愿在陛下英明领导之下，民主与人民之基本权力之精神得以彰显。吾皇万岁！

在改革的转捩点上

环顾全球，改变的浪潮正以正以冷战结束后未曾见过的能量席卷全世界。世界每一个角落，从解放广场到华尔街，数以万计的人民站出来，过去被动的社会突然新发现了站起来夺回尊严之勇气。

尊严，乃催化这一波全球改变运动的新关键元素。社会与经济不平等，加之与债务、失业、菁英剥削平民以自肥，为概括今日世界之共同情景。

马来西亚亦在2011年7月9日经历了历史转捩点，各个阶层不同遭遇的马来西亚人不约而同团结一致地站出来，要求干净、自由与公平的选举。尽管权责单位高度打压，但是，数以万计的马来西亚人，或幼或长，从全国各地来到吉隆坡涌上街头。

正如中东、北非、美国、欧洲的人民一样，因为再也无法忍受尊严遭只为自肥的领袖逐日剥夺，马来西亚人决定站起来。

作为一个拥有丰富天然资源、充足基础建设、相对年轻人口及可观的教育水平，马来西亚潜能无限。但是，我们每日却坐困贪污、黑钱外流、经济停滞不前、生活品质下降的消息中。

今日，马来西亚已经处在改革的转捩点上。与民联友党一起，民主行动党仅此献议，为将所有人导向完成马来西亚人梦想的路上，愿为所有马来西亚人追求改变的推手。

团结互助的经济

在通膨、高失业率、重重负债的全球环境当中，马来西亚并没有变得更好，更精确来说，我国收入底层的60%家庭收入每月少於3000令吉，同时，最底层40%的家庭每月收入少於1500令吉。

更令人忧心的是，2010年国家银行报告揭露，截至2010年杪，马来西亚家庭负债为5810亿令吉，即占国内生产总值的76%，我国的家庭债务水平可能仅仅居於南韩之後，居亚洲国家第二位。

尤有进者，马来西亚家庭偿债比率在2010年高达47.8%，意味著一家之收入有近半皆用於还债。按规矩来说，银行不会借钱给要用超过三分之一收入用来偿还债务供期者。换言之，我们正逐步成为负债国家中。

过去十年来收入停滞不前，导致底层40%人口的收入竟然仅占全国总收入的14.3%，与此同时，金字塔顶端的20%人口收入却占50%。

此外，尤有加遽情况者，截至去年杪，联邦负债已达4560亿令吉，而负债占国内生产总值的比率已经接近国家债务顶端的55%。

职是之故，我们必须寻找新的典范。国阵政府企图透过政府注资与一系列字母缩写计划，如经济转型计划、政府转型计划、国家关键经济领域等等解决经济发展失衡之问题，但不幸的，改变并不显著。

因此，这正是我们引介团结互助之经济此一概念之时候。此谓贫富、城乡、强弱之间的团结互助。我们的终极目标乃建立一个赋权予民，尤其是赋权底层60%真正需要之人民。

目前迫切之事为，我们必须确保经济继续运转，透过以下方式创造团结互助的经济：

1. 实施最低工资。
2. 最低工资依通膨率调涨。
3. 促进女性劳动力参与。
4. 减少依赖非技术外籍劳工。
5. 往自动化与科技价值产业链发展。
6. 透过能力、问责、透明度治理模式解决贪污与·务缺漏问题。
7. 遵守法治。
8. 捍卫劳工的合法权利。

此同时，我们也必须解决因贪污、朋党资本主义与壟断导致现有体制的既成缺陷。如目前状况，马来西亚是唯一一个将稻米私营化经营的产米国，更糟的是，此结构为单一朋党资本主义公司壟断而更形巩固。结果，泰国与印尼可以自给自足，而我们却有三分之一的稻米消耗量必须仰赖进口供应。且因壟断之故，我们甚至比新加坡付出更高的价钱购买进口米。

朋党资本主义的另一例子即由国能公司与有政治关系之独立发电厂签署的畸形购电合约，结果，因为国能被迫购买不需要的电量，我国拥有异常高的储电。这项加诸在国能身上的额外负担同时也透过调涨电费转嫁在普通人民身上。

朋党经济的一贯模式，即拥有良好政商关系的朋党透过剥削人民快速致富。政府与拥有政治关系之大道收费经营者签署之大道特许经营合约亦是一例，合约允许他们在特许经营期间可以定期提高收费，即便事实上他们的收益已经远超当初投资的金额。

我们是时候以“人民经济”取代朋党资本主义经济，前者将会专注於提高人民的可支配收入，提升基础技能、科技与生产力。

经济繁荣

四十多年前，马来西亚被视为一个富强的国家，我们几乎拥有所有的天然资源。当时，我们的人均生产总值为350美元，而韩国为130美元。今天，韩国的人均生产总值大约2万美元，而我们远远地落后于7000美元。四十年前，我国国民平均比韩国人民富有三倍，今天，韩国人民比我国人民富有三倍。

过去四十年发生了什么事？为什么原本比我们经济落后的国家如今远远超越我们，而我们却停滞不前？这是因为我们的人才不受重视、人民无法享有自由机会，我们的制度重视“你认识谁”而不是“你知道怎么做？”。政治关系比绩效表现还重要。

因此，我们需要重建我国经济以达致经济繁荣，这需要革新及才干打造及适应新的变化。例如：今天是资讯高速公路的年代。如果要进步繁荣，我们必须打造与资讯工艺相关的工业及技能。

我们也需要栽培新一年有活力、有才干的企业家。但是，企业精神必须由革新、创新及私人界来促进。只要打下稳健的基础，让这些商家继续茁壮成长，拿出他们的看家本领。

在促进经济繁荣方面，政府的角色是集中资源在社会方面的角色。政府必须把焦点放在基建、房屋、教育、交通及医疗福利，而一个强稳的政府最终能够改善人民整体的经济福利。例如：良好的公共交通系统可让人民无需把购买汽车当成必需品，也可以让人民省下花在汽车贷款的费用。同理可以用在为何政府需要介入可负担房屋、教育津贴及医疗福利。

在檳城，我们开展了一系列的社会计划，减除人们的负担。除了分派补助金给特定群体，我们也津贴洗肾中心及在特定路线提供免费巴士。我们也在执政一年后消除赤贫。现在我们立志在2015年消除贫穷。如果我们在檳城可以做到这一点，我们也一定能够在马来西亚做在这一点。

民主化

除了纠正经济不正义，同时，我们也急需恢复民主。民主的最基本原则即自由，因此，我们必须透过以下方式恢复民尊严与自由：

1. 体制改革
2. 干净、自由与公平选举
3. 财务与政治地方分权
4. 言论、表达意见与集会之自由

唯有好制度方能成就好国家。在马来西亚，应该是保护人民的机关制度目前却严重之信心危机。民主行动党承诺将会以制度改革为紧急优先项目，首先需要改革的为选举委员会、马来西亚反贪污委员会、警察部队、司法及国会。

制度改革亦包含重整曾经为人尊重、令人骄傲的公共服务部门。我们将会推动一系列计划，透过提升技能、环境与生产力，恢复公务员之专业、效率。我们亦将确保公务员的薪资适当与具竞争力，这并不只包括专业与高阶管理层，而是特别针对后勤与行政层级之公务员。

我们必须尊重、精简公共服务而非减少之。职是之故，我们对国阵政府欲缩减公共服务之举深感遗憾。

我们亦肯认日以继夜维护安宁之警察与武装部队的诸多牺牲。因此，我们必须确保他们不受滥用体制，踩在基层人员身上自肥的掠夺自利者之害。

同时，马来西亚人要求干净、自由与公平的选举，这也是马来西亚人於2011年7月9日走上街头的原由。投票乃神授之权，任何剥夺此权利者皆应紧急解决之。

除此以外，民主化也必须包括地方分权或权力下放。这是南韩、台湾与印尼民主化过程的基石。但在马来西亚，虽然是一联邦国家，但权力却逐渐集中於中央层级。举例而言，在1990年，所有州属的预算案占联邦预算的25%；今天，却少於9%。显然，我们亟需财政上的地方分权，以赋权地方层级。

只有联邦政府最了解的年代已经过去了。房屋、交通、垃圾处理、污水处理、健康乃至於教育都应该分权至州政府处理。我们怎麼可能期待一个坐在布城办公室里的人能够为太平或甚至新山的公共交通或垃圾处理做决定？当土地为州管辖之事务时，我们又怎能期待联邦政府可以解决人民之房屋需求？

马来西亚人希望他们的声音可以被听见。一个扼杀自由思想的社会只会压抑创意与新想法之培育。民主空间乃进步与竞争的关键。

因此，我们必须创造一个自由的文化，在此，没有什麼比美国总统罗斯福在1941年发表讲词时提到的“四个自由”更好，此四自由即：

1. 表达意见之自由
2. 信仰之自由
3. 欲求之自由
4. 免於恐惧之自由

除非我们能够提供强健之公共体制、恢复干净、自由与公平选举、透过财务与政治地方分权赋权予民，提供一个尊重并鼓励自由之环境，否则，马来西亚将永远无法成为一个高收入经济体与发达国家。

马来西亚人的梦想

在此，我们必须推动追求马来西亚更美好的未来，一个真正的马来西亚，梦想永远不会太高，每一位马来西亚人都应得到机会和平表达他们的想法，正义与安全获得保证，繁荣与尊严得到保障。这是马来西亚人的梦想，一个立基於马来西亚人的马来西亚之基础概念，每一名公民皆以马来西亚人优先，我们透过中道马来西亚之理想提倡中庸与合作，极端主义与盲从无以存在。我们向往马来西亚人的梦想，为了完成此一梦想，我们欲透过以下途径确认我们的承诺：

1. 捍卫以元首陛下为一国之尊的国会民主与君主立宪制度。民主行动党坚守现有的体制架构，且进一步加强立法、行政与司法的三权分立。奉《马来西亚联邦宪法》为我国基本大法，以1957年独立之精神与《1963年马来西亚联邦协定》荣耀宪法。
2. 依《联邦宪法》第153条文，维护马来人、土著的特别地位以及其他族群的权利。
3. 依《联邦宪法》第3及11条文，肯认伊斯兰教之联邦宗教地位以及和平信仰其他宗教之自由。
4. 依《联邦宪法》第152条文，维护马来语为国语，同时鼓励学习母语之权利以便创造卓越的多语社会。
5. 争取《联邦宪法》第10条文所保障之人民自由，即言论、集会与结社之自由。
6. 尊重《1963年马来西亚联邦协定》以及沙巴、砂拉越二州所拥有之权利。
7. 更公平的分配财富以提高收入、消灭贫穷，赋予马来西亚人尊严，不分性别、肤色或宗教，平等地赋权人民。
8. 创造一个思想开放的公民社会与自由的学术空间，不受《大专法令》之箝制。
9. 保证自由、乾净与公正的选举。
10. 保证不再发生任何于安全机关扣留下死亡或受伤之案件。
11. 透过公开招标、公告政府合约与协议之内容，公布资产，建立一廉正领导，打击贪污。
12. 检讨与朋党资本主义公司签下的畸形合约，如与独立发电厂签的购电合约以及大道合约。

结论

马来西亚是一个拥有丰富天然资源的国度，我们实在难以想像，在独立55年、马来西亚成立49年之後，我们的社会、政治与经济体制却囿困於贪婪、朋党与贪污窘境之内。

我国不仅在政经体制上受损至深，国阵政府有系统的极端阴谋也让我国社会如履薄冰。若我们不立即共同采取行动，我国的未来将处於危危险境。

四年前，我们获得机会证明我们可以在制度上带来改变。我们已经证明我们的表现远超我们应有之表现，我们已经清楚展现，在团结互助之经济与民主议程底下，我们可以带来改变。现在，我们欲将这项议程带往全国。

此时正是最佳之机会，现在，改革国家之机会就在我们面前，现在，夺回权利之机会就在我们手中。我党为此机会已经足足等了46年，且让我们并肩同行团结、坚定地朝理想跨步。

今天，我们一起开创“马来西亚人的梦想”。

The Shah Alam Declaration

WE, the national delegates of the Democratic Action Party, assembled here at the National Conference in Shah Alam, Selangor, on 8th January 2012, hereby reaffirm the principles of the DAP and so duly commit to lead the way in effecting much-needed change in the form of democratisation and economic well being in order to achieve the Malaysian Dream of a more prosperous, democratic and dignified Malaysia.

We convey our highest salutations and heartiest congratulations to the Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong Tuanku Abdul Halim Mu'adzam Shah on his proclamation as the 14th Yang di-Pertuan Agong of the Malaysian Federation. May his sovereign reign encourage and foster the spirit of democracy and human rights amongst his loyal subjects. Daulat Tuanku!

On the cusp of change

All around the world, change is happening with a ferocity unseen since the end of the Cold War. People in every corner of the globe, from Tahrir Square to Wall Street, are rising in unprecedented numbers. Formerly passive societies have suddenly discovered newfound courage to stand up and reclaim their dignity. Dignity is the new keyword that has catalysed the global movement for change. Social and economic inequality, spiralling debt and unemployment, elites enriching themselves at the expense of the ordinary citizen, these are all common pictures across the world today.

Malaysia experienced a watershed moment of her own, when on the 9th of July 2011, Malaysians from all walks of life rose in unison to demand their rights for clean, free and fair elections. Young and old, from various parts of the country, tens of thousands of Malaysians flooded the streets of Kuala Lumpur in spite of the heavy-handed tactics of the authorities.

Like their counterparts in the Middle East, North Africa, America and Europe, Malaysians stood up because they could no longer accept having their dignity robbed day in and day out by leaders that sought only to enrich themselves.

As a nation blessed with natural resources, adequate infrastructure, a relatively young population and respectable levels of literacy and education, Malaysia has so much potential. Yet we are saddened each day to hear stories of corruption, outflow of illicit funds, a stagnating economy and a general decline in quality of life.

Today, Malaysia is on the cusp of change. In partnership with our friends in Pakatan Rakyat, DAP humbly offers itself as the agent of change for all Malaysians in an agenda that will place us on the path to achieving the Malaysian Dream.

Economic Solidarity

In a global environment of rising inflation, high unemployment and spiralling indebtedness, the situation in Malaysia is not getting any better. To put matters into perspective, the bottom 60% of our population have an average household income of less than RM3,000 a month, while the bottom 40% live on less than RM1,500 a month.

More worryingly, Bank Negara's Annual Report 2010 revealed that Malaysia's household debt at the end of 2010 was RM 581 billion or 76 per cent of GDP, thus giving us the dubious honour of having the second-highest level of household debt in Asia, after South Korea.

In addition, the Malaysian household debt service ratio stood at 47.8 per cent in 2010, meaning that nearly

half of the average family's income goes to repaying debts. As a rule, banks would not lend money to those whose total servicing of interest exceeded one third of their income. In other words, we are spiralling into an indebted nation.

There does not seem to be a way out as income has also stagnated in the last 10 years. This has resulted in a dire situation whereby the bottom 40 per cent of our population earns only 14.3 per cent of the total income while the top 20 per cent shares 50 per cent of the total income.

To make matters worse, federal debt has now touched RM456 billion as at the end of last year while our debt-to-GDP (Gross Domestic Product) ratio has nearly reached the national debt ceiling of 55%.

In this context, we must look towards a new paradigm. The Barisan Nasional Government's attempts at addressing this economic imbalance through pump-priming economics and acronym-filled programmes such as the Economic Transformation Programme (ETP), Government Transformation Programme (GTP), National Key Economic Areas (NKEA) and so on unfortunately does not make any significant difference. It is therefore time to introduce the concept of economic solidarity. By this we mean solidarity between the rich and the poor, between the urban and the rural, between the strong and the weak. Ultimately, our aim must be to build a society that empowers its people, especially the bottom 60% that really need it.

More than anything, we need to ensure economic survival and create economic solidarity through:

9. Implementing minimum wage.
10. Indexing minimum wage to the rate of inflation.
11. Fostering female participation in the work force.
12. Reducing reliance on unskilled foreign labour.
13. Moving up the value chain in automation and technology.
14. Addressing corruption and leakages through the CAT (Competency, Accountability, Transparency) Governance model.
15. Observing rule of law.
16. Upholding the legitimate rights of workers.

We also need to address the weaknesses inherent in the current system that is characterised by corruption, crony capitalism and monopolies. As the situation stands, Malaysia is the only rice-producing country that has privatised rice production and worse, consolidated it into a monopoly under a single crony capitalist company. As a result, while Thailand and Indonesia are self-sufficient, we are dependent on imported rice for one third of our consumption. And because of the monopoly, we are paying more for imported rice than even Singapore.

Another example of crony capitalism is the lop-sided Power Purchase Agreements (PPA) signed between Tenaga Nasional Berhad (TNB) and the politically-linked Independent Power Producers (IPP). As a result, we have amassed high levels of electricity reserve margins because TNB is forced to buy electricity it doesn't need. This extra burden on TNB is then passed on to the people in the form of electricity tariff increases.

The consistent pattern of our crony economy is the fact that well-connected cronies are fast enriching themselves at the expense of the people. This is also evident in the highway toll concession agreements that have been made between the Government and politically-connected toll operators, which allow them to increase their toll periodically over extended concession periods, despite the fact that most of them have already recouped vast profits far surpassing their investment outlays.

It is time that we replace this crony capitalistic economy with a "People's Economy" that will focus on increasing disposable income and improving the basic foundations of skills, technology and productivity.

Economic Prosperity

More than forty years ago, Malaysia was regarded as a wealthy country, what with all the natural resources

we have been blessed with. Then, our GDP per capita was USD350 while South Korea trailed at USD130. Today, South Korea's GDP per capita stands at around USD20,000 while we are languishing behind at around USD7,000. Forty years ago, the average Malaysian was three times richer than the average South Korean. Today, they are three times richer than us.

What happened in the last four decades? Why have we stagnated while countries that were previously inferior economically have now overtaken and far surpassed us? This has happened because human talent was not valued and maximised, freedom of opportunity was not encouraged and a system was fostered that rewards know-who rather than know-how. Merit and excellence became secondary to political connections.

Hence, we now need to rebuild our economy to achieve prosperity based on innovation and the ability to create and adapt to new and relevant ecosystems. For example, today is the age of the information superhighway. In order for us to prosper we will need to build internet-related industries and skills that are relevant to these industries.

We also need to build a new generation of entrepreneurs imbued with energy and expertise. However, entrepreneurship must necessarily be driven by the innovation, creativity and drive of the private sector. In this regard, we believe that the business of government is to get out of business. It is sufficient to plant the foundational seeds, but business must then be let to grow and thrive and do what they do best.

The Government's role in cultivating economic prosperity is to invest in the future by concentrating on its social functions. Focus should be given to the areas of infrastructure, housing, education, transportation and healthcare, whereby a strong government role will ultimately result in improving the economic well-being of the people. For example, better public transportation will reduce the necessity to buy cars and thus immediately increase disposable income in place of car loans. The same applies with government intervention in affordable housing, education subsidies and healthcare.

In Penang, we have embarked on a series of social programmes that have lessened the burdens of the people. Besides hand-outs to target groups, we have also provided subsidies in kidney dialysis and free buses for commuters along certain routes. We have also managed to abolish hardcore poverty a year after taking over. Now, we are aiming to eliminate poverty altogether by 2015. If we can do this in Penang, we can do this for the rest of Malaysia.

Democratisation

Besides correcting economic injustices, there is also an urgent need to restore democracy. The most basic aspect of democracy is freedom, and thus we need to restore the dignity and freedom of the Rakyat through:

5. Institutional reform.
6. Clean, free and fair elections.
7. Fiscal and political decentralisation.
8. Freedom of speech, expression and assembly.

A country is only as good as its basic institutions. In Malaysia, there is a great crisis of confidence in the very institutions meant to protect us. DAP promises to make institutional reform a critical priority, starting with the Election Commission, the Malaysian Anti-Corruption Commission, the Police Force, the Judiciary and Parliament.

Institutional reform also encompasses the revitalisation of our once proud and respected Civil Service. We will embark on a programme to restore the professionalism and efficiency of civil servants by improving their skills, environment and productivity. We will also ensure that salaries of civil servants are adequate and competitive, especially those at the support and administrative grades and not just those at the professional and upper management levels.

The Civil Service needs to be refined and respected and not reduced.

We also recognise the many sacrifices made by both our police and armed forces who work day in and day

out to ensure our peace and security. We therefore seek to ensure that they are protected from predatory rentiers that abuse the system to enrich themselves at the expense of the rank and file.

Malaysians also demand the right to clean, free and fair elections. It is for this reason that Malaysians marched on 9th July 2011. The power to vote is a sacrosanct right, and any disenfranchisement of that right needs to be addressed as a matter of urgency.

Democratisation also necessarily entails decentralisation or devolvement of powers. This was a pivotal aspect of the democratisation processes that took place in South Korea, Taiwan and Indonesia. Yet in Malaysia, despite being a federation of states, power and authority has been increasingly centralised at the national level. As an example, in 1990, the combined total of all the state budgets made up 25 per cent of the federal budget. Today, it is less than 9 per cent. Clearly, there is a need for greater fiscal decentralisation in order to create greater empowerment at the local level.

The time of Federal Government knows best is over. Housing, transportation, garbage collection, sewerage, health and even education services should be devolved to the state government. How can someone sitting in Putrajaya be expected to make decisions on public transportation or garbage collection in Taiping or even Johor Bahru? How can the Federal Government meet the housing needs of the people when land is a state matter?

Malaysians yearn for their voices to be heard. A society that stifles free thought will suppress creativity and the cultivation of new ideas. Democratic space is therefore key to progress and competitiveness. A culture of freedom must therefore be created, and what better way than to benchmark ourselves against the “Four Freedoms” as expounded by the United States President Franklin D. Roosevelt in his 1941 State of the Union address. These are:

5. Freedom of speech and expression.
6. Freedom of worship.
7. Freedom from want.
8. Freedom from fear.

Malaysia will never be able to move forward towards a high-income economy and developed-nation status until and unless we are able to provide our people with strong public institutions, restore their right to clean, free and fair elections, empower them with fiscal and political decentralisation and provide an environment that respects and encourages a culture of freedom.

The Malaysian Dream

The impetus is upon us now to forge a better future for Malaysia, one that is truly Malaysian, where no dream is impossible, where everyone can express their thoughts in peace, where justice and security is guaranteed and where prosperity and dignity is assured.

This is the Malaysian Dream. A new national landscape built upon the foundational ideals of a Malaysian Malaysia where every citizen is Malaysian First and where moderation and cooperation is celebrated through the Middle Malaysia ideal and where there is no room for extremism and bigotry.

We aspire for the Malaysian Dream, and in the pursuit of this dream, we would like to reaffirm our commitments as thus:

9. To defend our system of Parliamentary Democracy and Constitutional Monarchy with the Yang di-Pertuan Agong as the Head of State. DAP is committed to upholding the Federal Constitution as the most supreme law of the country and to honour it in the spirit of Merdeka 1957 and the Malaysia Agreement 1963.
10. To preserve the special position of the Malays and Bumiputeras while protecting the rights of other races as enshrined in Article 153 of the Federal Constitution.
11. To safeguard the position of Islam as the religion of the Federation while simultaneously championing the freedom of other religions to be practised in peace and harmony, as enshrined in

- Articles 3 and 11 of the Federal Constitution.
12. To dignify Bahasa Melayu as the National Language as enshrined in Article 152 of the Federal Constitution, while encouraging the use and study of other mother tongues in order to create a society that excels through language diversity.
 13. To champion the right of the Rakyat to freedom of speech, freedom of assembly and freedom of association as enshrined in Article 10 of the Federal Constitution.
 14. To honour the Malaysia Agreement 1963 and the rights of the people of Sabah and Sarawak.
 15. To dignify all Malaysians through the eradication of poverty and a more equitable distribution of wealth, and empowering the Rakyat through equal opportunities for all without discrimination based on gender, skin colour or religion.
 16. To cultivate a learned and broad-minded civil society with academic and intellectual freedom without the shackles of the University and University Colleges Act.
 17. To ensure the right of every citizen to clean, free and fair elections.
 18. To put an end to deaths, abuses or injuries inflicted in the custody of security agencies.
 19. To establish integrity and leadership and to fight corruption by implementing open tenders, publicising the contents of government contracts and agreements, and publicly declaring assets of all government leaders.
 20. To review the lop-sided agreements with crony capitalist companies such as the Power Purchase Agreements with the Independent Power Producers and the highway toll concessions with the toll operators.

Conclusion

Malaysia is a rich country blessed with every resource imaginable. It is unfathomable that today, 55 years after Merdeka and 49 years since the formation of Malaysia, our social, political and economic institutions have degenerated into a quagmire of greed, cronyism and corruption.

Not only is our country now politically and economically impaired, the systematic and extremist machinations of the Barisan Nasional Government has also left our society treading on thin ice. The future of our country is at stake unless we act collectively and immediately.

Four years ago, we were entrusted with an opportunity to prove that we can institute change. In that time, we have shown that we are able to punch above our weight. We have shown that with a clear agenda of economic solidarity and democracy, we can make a difference. Now, we seek to bring this agenda to the national level.

And there is no more opportune time than now. Today, the opportunity to transform our country is real and before us. Today, the vindication of right over might is at hand. Our party has persevered for 46 years for this very moment. Let us now stand together, united in diversity and committed to our ideals.

Today, we dream the Malaysian Dream.